

**PETIKAN TULISAN
SUCI UNTUK
DIHAFAL:**

Mengucap syukurlah dalam segala hal, sebab itulah yang dikehendaki Allah di dalam Kristus Yesus bagi kamu.

(1 Tesalonika 5:18)

terutamanya pada hujung minggu, anak tengah adalah orang yang tidak akan meninggalkan meja tanpa mengucapkan "terima kasih ibu untuk makanan."

Suatu hari ketika saya bersendirian dengan anak kedua, saya memberitahunya sikapnya yang bersyukur menggembirakan saya walaupun saya menghadapi hari yang sukar di tempat kerja. Anak lelaki saya memeluk saya dan berkata, "Saya sayang kamu, Ibu."

Bacaan pertama dalam 2 Raja-raja bab 5 menceritakan kesembuhan Naaman, askar Syria. Dia adalah seorang kusta yang telah sembah walaupun pada mulanya teragak-agak untuk menerima arahan. Dia kemudian membuat pengakuan imannya kepada Tuhan Israel yang benar. Dalam Bab 11 Santo Lukas menceritakan kisah kesembuhan sepuluh orang kusta, yang daripadanya seorang telah kembali untuk memuliakan Tuhan.

Petikan-petikan ini memberitahu kita tentang iman, apabila dipenuhi dengan rasa syukur adalah jalan kepada keselamatan, jalan bagi semua bangsa, didahului oleh orang-orang pilihan dan diteruskan oleh pengikut Kristus. Ini ditegaskan oleh surat Santo Paulus dalam 2 Timotius 2:10 bahawa 'anugerah penyembuhan dan keselamatan Tuhan terbuka kepada semua orang melalui Yesus Kristus.'

Pada pertemuan umum hari Rabu pada 30 Disember 2020, Paus Fransiskus berkata bahawa '**'Umat Katolik boleh mengubah dunia dengan menjadi 'pembawa kesyukuran,'**' kerana jika kita melakukannya, 'dunia itu sendiri akan menjadi lebih baik, walaupun hanya sedikit, tetapi itu sudah cukup untuk menghantar sedikit harapan.'

Membangunkan nilai kesyukuran juga membantu kita meneguhkan persahabatan dan membina hubungan yang lebih kukuh. Kisah anak yang bersyukur dalam keluarga KED itu dikongsikan untuk mengajak semua orang berfikir tentang seorang yang anda ingin berterima kasih. Berusaha untuk mengucap syukur pada hari ini. Semoga sikap bersyukur ini berakar umbi dalam hidup anda, dan lihat perubahan yang akan dilakukannya.

Melalui bilur-bilurNya, Yesus telah menyembuhkan kita dari noda kusta di dalam dan di luar. Marilah kita menjadi seperti orang kusta yang kembali sambil kita 'bersorak-sorai bagi Tuhan, kerana Dia telah memberitahukan keselamatan-Nya.' (Mazmur 98). ☺

**AYAT SUCI
MINGGU INI**

2 Raja-raja 5: 14-17;
Mazmur 98: 1-4;
2 Timotius 2: 8-13;
Lukas 17: 11-19.

Newbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Biasa ke-28

GARAM DAN TERANG DUNIA: PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI

FOKUS BULANAN:
PESTA PERAWAN MARIA, RATU ROSARIO (7 OKTOBER)

Mempunyai **SIKAP SYUKUR**

Seorang ibu kepada tiga anak lelaki menceritakan kisah ini semasa perhimpunan KED:

'Sebagai seorang ibu yang bekerja, sentiasa ada cabaran berterusan untuk menyesuaikan diri antara kerja dan kehidupan keluarga. Beberapa hari dalam seminggu, anak-anak lelaki perlu mengambil makanan tanpa ibu dan ayah di meja. Tetapi apabila semua orang ada,

